



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**14 APRIL 2026 (SELASA)**

## Harga Telur Ayam Jatuh Lebih Bekalan di Pasaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	7	14 April

# Harga telur ayam jatuh lebih bekalan di pasaran

**PETALING JAYA:** Harga telur ayam turun antara RM1 hingga RM3 sepapan ketika ini berikutan lebih bekalan di pasaran.

Lebih bekalan antara lain disebabkan permintaan yang rendah, sedangkan pengeluaran telur ayam kekal tinggi di ladang.

Menurut Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, pembekal telur terpaksa menyerap kos pengeluaran susulan peningkatan harga dedak dan kos logistik.

Katanya, pembekal tidak mempunyai pilihan selain menanggung kos tersebut kerana ia merupakan sebahagian daripada realiti perniagaan.

Menurutnya, situasi tersebut antara faktor penyumbang harga telur ketika ini kekal rendah walaupun dunia berdepan ketidakpastian harga bahan api susulan konflik di Asia Barat.

“Walaupun krisis sedang berlaku, kesannya tidak seteruk krisis Russia-Ukraine pada 2022 yang mengganggu rantai bekalan bijirin seperti jagung dan soya iaitu bahan utama dalam penghasilan dedak ayam.

“Ketika itu, gangguan bekalan menyebabkan kos dedak meningkat secara mendadak, sekali gus memberi tekanan besar kepada pengusaha ladang ayam dan harga telur di pasaran.

“Namun ketika ini, walaupun terdapat peningkatan kos, bekalan bahan mentah masih terkawal dan tidak menjejaskan pengeluaran secara menyeluruh,”



**LEBIH** bekalan menyebabkan harga telur dipasaran jatuh. - GAMBAR HIASAN

katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Namun, Jeffrey berkata, kebarangkalian berlakunya lebih bekalan ketika ini berkemungkinan berpunca daripada sikap pembeli yang lebih berhati-hati dalam berbelanja.

Katanya, masyarakat mungkin mula berjimat susulan krisis Asia Barat sehingga menyebabkan permintaan menurun dan seterusnya berlaku lebih bekalan di pasaran.

“Walaupun rugi, pembekal terpaksa terus menjual telur walaupun pada harga di bawah kos pengeluaran.

“Jika mahu mengelakkan kerugian, pengeluaran perlu diselaraskan, namun ia bukan mudah kerana telur merupakan barangan mudah rosak dan perlu dijual segera,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasiman Sapari berkata, setakat ini penurunan harga akibat lebih bekalan masih boleh ditampung.

Beliau berkata, pembekal juga dijangka dapat menyesuaikan tahap pengeluaran telur ayam mengikut permintaan semasa.

Bagaimanapun, katanya, pendekatan yang lebih wajar adalah memastikan lebih tersebut dapat dieksport supaya pendapatan negara dapat ditingkatkan.

“Sekiranya harga rendah ditetapkan oleh kerajaan, khususnya dalam keadaan kos makanan ayam meningkat akibat faktor seperti konflik atau sebab-sebab lain, maka subsidi wajar diberikan kepada penternak bagi menampung kos pengeluaran,” katanya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR